



## KOHESI LEKSIKAL DALAM LIRIK LAGU DIKIR BARAT

Oleh

**SITI ASMA BINTI AHMAD**

Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Ogos 2017

FBMK 2017 83

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alunan Syukur dengan Bismillah pembuka bicara  
Di atas rahmat dan kurniaan-Nya yang tidak terhingga  
Yang selalu mengiringi perjuangan hidupku didunia fana  
Untuk terus pantas mengejar serta mengecapi kejayaan

Buat ayahanda dan bonda  
Ahmad bin Ismail dan Azizah binti Yaacob  
Tempat aku bermanja dengan penuh kasih sayang memberi sejuta  
pengertian dan selaut harapan untuk aku menjadi setegar karang.

Juga untuk penyelia Profesor Madya Dr. Hazlina Abd Halim, yang tidak  
jemu mendidik,  
yang tidak pernah mengeluh menabur bakti,  
yang sentiasa menyemai benih-benih ilmu, Agar menjadi manusia  
yang berguna kepada keluarga, bangsa dan negara  
Terima kasih Dr!

Buat adik- beradik dan keluarga yang amat kusayangi  
Jutaan terima kasih atas nasihat, semangat dan sokongan  
padu yang kalian hulurkan

Istimewa buat teman-teman seperjuangan yang ku sayangi  
Terima kasih atas dorongan yang kalian titipkan buatku saban hari Kehadiran  
kalian membawa erti persahabatan yang sebenarnya.

Kejayaan ini, aku hadiahkan sebagai buah tangan terindah yang  
hakiki buat semua.  
Terima Kasih!.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

## **COHESION OF LEXICAL ASPECT IN THE LYRICS OF DIKIR BARAT SONGS**

By

**SITI ASMA BINTI AHMAD**

**August 2017**

**Chair : Hazlina Abdul Halim, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

This Song lyrics is a person's expression of something that has already been seen, heard or experienced. In expressing the experience, lyric song writers often perform words and language games to create creativity and attraction to a song's lyrics. Accordingly, the study aims to analyse the aspects of the Lecture Kohesi in the Western Song Lyric. The objectives of this study are divided into two main objectives, to classify the aspect of lexical cohesion in the song lyrics and explain the functioning of the lexical aspect in the song lyrics. This study uses Halliday & Hassan (1976) Discourse Theory, a description of the analysis that contains five types of such us, namely references, replacements, and ellipsis. Accordingly, this study uses Halliday & Hassan (1976) analysis as the basic of analysis. However, the results show that there are additional, restructuring and mathematical aspects to the original model when the Halliday & Hassan (1976) theory is applied to elaborate the lexical cohesion of song lyrics. In this study, the main data used 20 song lyrics is dikir barat from Halim Yazid's albums. This study uses descriptive analysis method. In general, this study attempts to unravel the cohesion aspects of the album song lyric Halim Yazid so that the listeners, especially the layers of society, can understand, enjoy, and understand the intentions expressed and implied in the presentation of the song lyric as to explore the cohesion. The research finds that the song lyric writer uses the whole aspect of cohesion which is the repetition, synonym and antonym aspect of song lyric that makes this western art work as a built and established literary master.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## KOHESI LEKSIKAL DALAM LIRIK LAGU DIKIR BARAT

Oleh

**SITI ASMA BINTI AHMAD**

Ogos 2017

**Pengerusi** : Hazlina Abdul Halim, PhD  
**Fakulti** : Bahasa Moden dan Komunikasi

Lirik lagu merupakan ekspresi seseorang tentang sesuatu hal yang sudah dilihat, didengar mahupun yang sudah dialami. Dalam mengekspresikan pengalaman, penulis lirik lagu sering melakukan permainan kata-kata dan bahasa untuk mencipta kreativiti dan tarikan terhadap sesuatu lirik lagu. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek Kohesi Leksikal dalam Lirik Lagu dikir barat. Objektif kajian ini terbahagi kepada dua objektif utama, untuk mengklasifikasikan aspek kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat, dan menjelaskan fungsi aspek leksikal dalam lirik lagu dikir barat. Kajian ini menggunakan Teori Wacana Halliday & Hassan (1976), huraian analisis yang memuatkan lima jenis tautan, iaitu rujukan, penggantian, ellipsis, penghubung dan tautan leksikal. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan analisis tautan Halliday & Hassan (1976) sebagai dasar analisis. Walau bagaimanapun, hasilnya memperlihatkan bahawa terdapat tambahan, penyusunan semula dan penekanan aspek tertentu kepada model asal apabila teori Halliday & Hassan (1976) diterapkan untuk menghuraikan aspek kohesi leksikal lirik lagu dikir barat. Dalam kajian ini, data utama yang digunakan ialah 20 lirik lagu dikir barat daripada album-album Halim Yazid. Kajian ini adalah menggunakan kaedah analisis deskriptif. Secara umumnya, kajian ini berusaha merungkai aspek kohesi yang terdapat dalam album-album dikir barat Halim Yazid agar pendengar khususnya lapisan masyarakat dapat, mengetahui, menikmati, dan memahami maksud yang tersurat dan tersirat disebalik penyampaian lagu dikir barat di samping turut mendalami aspek kohesi yang terdapat di dalamnya. Hasil kajian mendapati bahawa penulis lirik lagu dikir barat menggunakan keseluruhan aspek kohesi iaitu aspek pengulangan, sinonim dan antonim dengan seimbang dalam lirik lagu yang menjadikan karya seni dikir barat ini sebagai karya sastera terbina dan mantap.

Tesis ini telah dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Hazlina Binti Abdul Halim, PHD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi, PHD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PHD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Date: 07 Februari 2019

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Siti Asma Binti Ahmad

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah dibawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 20122013) telah dipenuhi.

Signature: \_\_\_\_\_  
Name of Chairman  
of Supervisory  
Committee: Hazlina Binti Abdul Halim, PHD

Signature: \_\_\_\_\_  
Name of Member of  
Supervisory  
Committee: Nik Rafidah Binti Nik Muhamad  
Affendi, PHD



## JADUAL KANDUNGAN

<b>ABSTRACT</b>	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PERAKUAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	vi
	x

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Objektif Kajian	6
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.6 Batasan Kajian	7
	1.7 Definisi Konsep	9
	1.7.1 Kohesi	9
	1.7.2 Kohesi Leksikal	10
	1.7.3 Pengulangan	10
	1.7.4 Sinonim	11
	1.7.5 Antonim	11
	1.7.6 Lirik Lagu	11
	1.7.7 Dikir Barat	12
	1.8 Organisasi	13
	1.9 Kesimpulan	14
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>15</b>
	2.1 Pengenalan	15
	2.2 Kajian Mengenai Kohesi	18
	2.3 Kajian Mengenai Kohesi Leksikal	21
	2.4 Kesimpulan	23
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>25</b>
	3.1 Pengenalan	25
	3.2 Reka Bentuk Kajian	25
	3.3 Kaedah Kajian	25
	3.3.1 Kaedah Analisis Teks	25
	3.3.2 Penganalisan Data	26
	3.3.3 Analisis Teks	26
	3.4 Justifikasi Teori	27
	3.5 Kerangka Teori	27
	3.6 Kerangka Konseptual	36
	3.7 Kesimpulan	37

<b>4</b>	<b>ASPEK KOHESI LEKSIKAL DALAM LIRIK LAGU DIKIR BARAT</b>	<b>38</b>
4.1	Pengenalan	38
4.2	Mengklasifikasikan Kohesi Leksikal Dalam Lirik Lagu Dikir Barat	38
4.2.1	Pengulangan ( <i>Reiteration</i> )	38
4.2.2	Sinonim ( <i>Synonym</i> )	42
4.2.3	Antonim ( <i>Antonym</i> )	47
4.3	Fungsi Kohesi Leksikal dalam Lirik Lagu Dikir Barat Mengikut Teori Halliday & Hassan (1976)	51
4.3.1	Repitisi (Pengulangan Kata)	52
4.3.2	Sinonim (Kata Seerti)	64
4.3.3	Antonim (Kata Berlawanan)	75
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>84</b>
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>89</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>96</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>147</b>
	<b>PENERBITAN</b>	<b>148</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Tajuk-tajuk Lirik Lagu dalam Album Halim Yazid	9
2	Liri Lagu Bonda	27
3	Lirik Lagu Mat Jenin	35
4	Lirik Lagu Daulat Tuanku	40
5	Lirik Lagu Tepung Kita	41
6	Lirik Lagu Apa Khabar Orang Kampung	42
7	Lirik Lagu Sangkakala	43
8	Lirik Lagu Tupai	43
9	Lirik Lagu Daulau Tuanku	44
10	Lirik Lagu Sungai Kelang	46
11	Lirik Lagu Cermin	48
12	Lirik Lagu Isteri	56
13	Lirik Lagu Sungai Kelang	60
14	Lirik Lagu Bonda	63
15	Lirik Lagu Daulat Tuanku	69
16	Lirik Lagu Bonda	72
17	Lirik Lagu Sangkakala	74
18	Lirik Lagu Tupai	75
19	Lirik Lagu Sungai Kelang	76
20	Lirik Lagu Qayyum	77
21	Lirik Lagu Saing Sayo	78

22	Lirik Lagu Isteri	79
23	Lirik Lagu Sangkakala	81
24	Lirik Lagu Tupai	83
25	Lirik Lagu Yanti	84
26	Lirik Lagu Diri Ambo	85



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Wacana atau klausa dengan koherensi dan kohesi yang berkaitan antara satu sama lain mengandungi permulaan dan pengakhiran telah dijelaskan secara lisan atau penulisan. Wacana kohesi ialah satu tautan penting mengikut Harimurti Kridalaksana (1978: 507), wacana adalah kategori bahasa yang sepenuhnya dan bukanlah perkataan atau ayat seperti yang telah dilakukan kajian oleh sebahagian daripada ahli pengkaji bahasa, melainkan wacana. Tarigan (1987: 27) pula menjelaskan bahawa wacana sebagai kumpulan bahasa yang penuh dan teratas atau terbesar. Manakala bagi Asmah Haji Omar (1987: 128) menjelaskan bahawa wacana ialah unit bahasa yang menguasai penggunaan ayat.

Berkenaan dengan analisis kohesi Bahasa Halliday & Hassan (1976:1:30) dalam analisis kohesi bahasa menyatakan bahawa sebuah teks itu mungkin terdiri daripada bahasa pertuturan atau penulisan sama ada berbentuk prosa atau lirik, dialog atau monolog. Dengan itu, teks linguistik merujuk kepada apa jua petikan bahasa sama ada daripada bahasa lisan mahupun penulisan. Manakala teks merupakan penggunaan satu unit bahasa dalam penggunaan bukannya unit tatabahasa seperti klausa atau satu ayat. Antara contoh yang dapat dilihat, salah satunya pada lirik lagu. Hal ini adalah kerana lirik lagu, sebagai unit semantik dan terjalin dengan tekstur, yang mempunyai pertalian dan pertautan antara kohesi dengan koheren.

Menurut, Hatch (1992: 89) telah menyatakan tentang elemen-elemen kohesi dengan lebih mendalam dengan merujuk kepada alat kerangka Halliday & Hassan (1976), dan telah menjelaskan bahawa elemen-elemen kohesi merupakan perincian pembahagian teks secara teratur. Ciri-ciri kohesi yang diterjemahkan oleh Halliday & Hassan (1976) terdiri daripada kohesi leksikal dan kohesi nahuan. Kohesi nahuan atau juga dikenali dengan kohesi gramatikal, secara khususnya menjalinkan pertalian antara sintaksis, manakala kohesi leksikal pula yang mengandungi pertalian dengan perbendaharaan kata, secara khususnya dapat mewujudkan pertalian semantik atau pertalian makna. Namun, kedua-dua kohesi nahuan dan kohesi leksikal secara umumnya, mengandungi pertalian semantik, sama ada dalam frasa ataupun di antara ayat dengan ayat melalui sesebuah teks.

Berdasarkan kohesi yang dikelaskan oleh Halliday & Hassan (1976), mereka telah membahagikan kepada kohesi nahuan dan leksikal dengan singkatan huruf dalam Bahasa Melayu seperti yang berikut:

**Jadual 1.1: Sempadan antara Kohesi Nahuan dan Leksikal menurut Halliday & Hasaan (1976)**

Bil	Kohesi Nahuan ( <i>Gramatical Cohesion</i> )	Kohesi Leksikal ( <i>Lexical Cohesion</i> )
1	Rujukan ( <i>Reference</i> )	Pengulangan atau Reiterasi ( <i>Reiteration</i> )
2	Penggantian ( <i>Substitution</i> )	Kolokasi ( <i>Collocation</i> )
3	Elipsis ( <i>Ellipsis</i> )	Konjungsi ( <i>Conjunction</i> )

Menurut Mulyana (2005: 76) pula, berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan iaitu yang bertajuk kajian wacana Yogyakarta: Tiara Wacana, kohesi leksikal atau perpaduan leksikal ialah merupakan pertautan leksikal di antara elemen-elemen wacana bagi mendapatkan kesepaduan struktur secara terperinci. Elemen kohesi leksikal mengandungi lima aspek yang terdiri daripada sinonim (persamaan), antonim (berlawanan kata), hiponim (hubungan bahagian atau isi), repitisi (pengulangan) dan kolokasi (sanding kata). Aspek-aspek kohesi leksikal yang diterapkan adalah bertujuan untuk mendapatkan kesan kesinambungan maksud bahasa serta keserasian bahasa yang digunakan. Oleh itu, pengkaji amat tertarik untuk mengkaji aspek leksikal dalam lirik lagu dikir barat Halim Yazid kerana untuk mengisi lompong-lompong kosong yang masih lagi tidak disempurnakan oleh pengkaji terdahulu. Berdasarkan kepada penelitian pengkaji akan menggunakan tiga aspek leksikal yang terdapat dalam kerangka daripada Halliday & Hassan (1976) mengandungi aspek utama iaitu pengulangan, sinonim dan antonim.

Lirik merupakan salah satu aspek penting dalam sesebuah persembahan dikir barat. Lirik berfungsi mengutarakan idea dan pemikiran dalam penyampaian sesebuah lagu dan kandungan yang terdapat dalam lirik dengan menyentuh aspek kehidupan masyarakat (Arbai'e Sujud, 1999: 67). Selain itu, menurut Shahnnon Ahmad (1991:67) lirik juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan fungsi wacana. Hal ini adalah kerana, peranan sesebuah karya Melayu tradisional ataupun linguistik sebagai penganalisisan diri sendiri, diri masyarakat sendiri dan sebagai pembaca.

Menurut Hashim Awang (1987: 112) pula menyatakan bahawa negeri Kelantan merupakan salah satu negeri yang kaya dengan gedung kesenian dan kebudayaan. yang menarik perhatian semua pihak. Bukan sahaja Wayang Kulit, Makyong dan Main Puteri, tetapi dikir barat juga salah satu bentuk kesenian rakyat yang semakin popular. Masyarakat menganggap dikir barat satu wadah

untuk memahami budaya bangsa. Di samping itu, dikir barat berperanan sebagai hiburan dan juga mempunyai nilai pembentukan peribadi dan personaliti serta penerapan ilmu pengetahuan yang bermanfaat kepada masyarakat. Tukang Karut dan Tukang Juara memainkan peranan dalam menyampaikan dikirnya menerusi pemilihan kata dalam lirik lagu atau bait-bait lagu bagi menyampaikan maksud yang tersirat kepada pendengar. Menurut Hamidah Yaacob (2010: 156), menyatakan bahawa dikir barat merupakan satu tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun dan telah dipopularkan sejak berabad lagi oleh masyarakat Cik Siti Wan Kembang iaitu di Kelantan. Masyarakat negeri Kelantan beranggapan bahawa dikir barat satu medium yang paling tepat untuk berhibur, namun mereka sedar di sebalik hiburan yang dirasai dan dihayati terselit pelbagai mesej yang berguna kepada mereka. Penerapan tradisi ilmu diterapkan oleh pendikir melalui gagasan lirik yang puitis dan struktur binaan yang sistematik.

Menurut Hamidah Yaacob (2010: 156), dikir barat merupakan salah satu bentuk persembahan yang dinyanyikan secara beramai-ramai dalam sesuatu masa. Perkataan dikir merujuk kepada persembahan lagu dan manakala barat pula membawa maksud kepada pembahagian empat wilayah yang terdapat di selatan Thailand iaitu Yala, Narathiwat, Songkla dan Patani. Dikir barat ialah hasil kombinasi seni, iaitu perkataan 'dikir' dan 'karut' atau 'zikir' dan 'karut'. Perkataan dikir dan zikir biasanya digunakan dalam bentuk prosa tetapi kadangkala ungkapan akan dipuitiskan. Hal ini adalah kerana, mungkin dengan cara sedemikian dapatlah manusia mengingati Allah dan mensyukuri nikmat Allah S.W.T. Zikir atau dikir menggunakan bentuk syair ataupun nazam yang biasanya daripada bahasa Arab (Majlis Peperiksaan Malaysia, 1996). Seterusnya, menurut Azmi Mohd Nasir (2011), dikir barat terhasil daripada kombinasi dua perkataan iaitu dikir dan barat. Struktur dan bentuk prosa rakyat ini masih lagi dikekalkan sebagai karya seni kerana mengikut pembinaan sebuah prosa Melayu tradisional iaitu terikat kepada bentuk pantun yang mempunyai ungkapan sejajar dan puitis. Pemilihan kata yang menarik, tepat dan jelas merupakan salah satu aspek utama dalam sesebuah penghasilan lirik lagu, Harun Mat Piah (1998).

Pengkajian terhadap analisis dikir barat dalam aspek kohesi ini adalah dalam usaha untuk membuktikan bahawa pengkarya atau penulis lirik tidak hanya terhad kepada perkataan-perkataan yang gramatis sahaja tetapi lebih jauh daripada konteks perkataan atau lebih besar daripada ayat. Perenggan dan keseluruhan lirik lagu dapat dilihat sebagai satu teks yang terjalin dengan tekstur yang bermakna dan tepat dengan tema atau tajuk lirik lagu. Oleh hal yang demikian, lirik lagu yang baik atau kurang baik yang dihasilkan oleh pengkarya boleh dilihat daripada segi pertautan atau kohesi, dan koheren. Kohesi meliputi kohesi nahuan dan kohesi leksikal yang membawa perkaitan semantik manakala koheren adalah kesinambungan dan kesepaduan teks.

Menurut Amir Husairi Sharif (2006:56) hampir keseluruhan lirik lagu yang dihasilkan oleh pengkarya padat dengan lirik yang berfungsi untuk menyampaikan sesuatu mesej. Mesej yang disifatkan tersebut merangkumi



makna berdasarkan kepada pemilihan aspek kokesi leksikal seperti pengulangan, sinonim dan antonim di sebalik bait-bait kata lirik tersebut. Berpandukan kepada aspek kohesi leksikal iaitu pengulangan, sinonim dan antonim, aspek ini menjadi sandaran untuk menghasilkan lirik dengan 'hati'.

## 1.2 Penyataan Masalah

Dikir barat ialah sejenis puisi Melayu tradisional yang dikelompokkan di dalam kumpulan puisi dikir dan zikir. Menurut Harun Mat Piah (1989), dikir ialah puisi yang tidak tentu bentuknya. Mengandungi baris-baris yang berurutan baik berangkap atau tidak, jika berangkap tidak ditentukan rangkap dan jumlah dalam satu baris, dalam sebaris tidak ditentukan barisnya. Pada asasnya bentuk dikir ada persamaan dengan talibun, nazam, dan bahasa berirama.

Selain itu, menurut Harun Mat Piah (1989) puisi dikir juga merangkumi permainan-permainan kesenian yang sama asalnya, tetapi telah hilang seninya hingga menjadi dekat kepada hiburan seperti dikir barat, dikir laba, dikir rebana dan dikir timur yang semuanya terdapat di negeri Kelantan.

Lantaran itu, dalam kajian ini pengkaji melihat tentang kebenaran definisi dikir barat dengan lebih mendalam. Genre dikir barat kurang mendapat perhatian untuk di buat kajian oleh para sarjana puisi tradisional tanah air, maka genre ini tidak dikenali oleh masyarakat, sedangkan ia merupakan salah satu genre puisi tradisional yang sangat terkenal di kawasan Pantai Timur Malaysia terutamanya negeri Kelantan. Oleh itu, wajarlah sekiranya pengkaji mengetengahkan dikir barat ini agar kewujudannya dikenali oleh seluruh masyarakat. Sesungguhnya dikir barat ini mempunyai sejarah tersendiri dan perkembangannya harus mendapat perhatian seluruh pencinta khazanah seni tanah air.

Menurut Abdullah Hassan (1980: 658), menyatakan bahawa Bahasa mempunyai bentuk dan maksud tersendiri. Pembaca mengalami kesukaran untuk memahami sesuatu maksud yang ingin di sampaikan oleh penulis sekiranya tanpa kehadiran wacana kohesi dalam sesebuah teks. Bukan itu sahaja, malah perlu diketahui bahawa wacana kohesi di fahami sebagai penggunaan Bahasa dalam konteks penulisan yang membawa kepada makna. Menurut Mohd. Zaini Othman (2004), wacana kohesi terhasil apabila berlaku interaksi komunikasi antara teks dengan pembaca. Hal ini adalah kerana untuk memastikan pembaca dapat memahami maksud teks, penulis seharusnya mengemukakan ideanya secara bertaut dan berpadu.

Walaupun demikian, tidak banyak analisis yang dilakukan oleh pengkaji ke atas lirik lagu dikir barat tetapi kajian-kajian lepas lebih menumpukan tentang lirik lagu konvensional seperti kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana Indonesia. Antaranya, kajian yang dilakukan oleh Ajeng Merita Sari (2016), Jurusan



Pendidikan Bahasa Prancis, Fakultas Bahasa dan Seni, Universiti Negeri Yogyakarta yang bertajuk *Analisis Wacana Lirik Lagu Karya Stromae Pada Album Racine Carree*. Pengkajian ini dijalankan ialah kerana untuk melihat aspek-aspek kohesi leksikal yang terdapat di dalam lirik lagu yang telah dipilih.

Selain itu, tidak banyak kajian tentang lirik lagu tradisional seperti dikir barat, boria, gurindam dan sebagainya. Kajian-kajian sebelum ini lebih menumpukan kepada cerpen, teks ucapan, novel dan sebagainya. Sebagai contoh dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Ganeson A/L Subramonian (2015), Universiti Putra Malaysia yang bertajuk "*Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam Novel Ilatcia Payanam*". Kajian ini dilakukan terhadap novel "*Ilatcia Payanam*" yang memfokuskan kepada elemen kohesi nahuan dan kohesi leksikal dalam novel. Pengkaji membataskan kajian ini dengan hanya menghuraikan secara deskriptif jenis sarana kohesi yang mewujudkan perkaitan sintaktik dan semantik dalam menghuraikan novel.

Dengan adanya kajian lirik lagu dikir barat ini dapat mengisi lompang-lompang kosong yang kurang mendapat perhatian daripada pengkaji terdahulu. Kebanyakan para sarjana mengkaji kohesi dalam teks ucapan, karangan-karangan pelajar, cerpen, syair dan sebagainya. Oleh itu, amatlah wajar sekiranya kajian ini dijalankan supaya lagu-lagu tradisional seperti dikir barat ini tidak luput di telan arus kemodenan semasa. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan kesinambungan daripada kajian lepas, tetapi lebih mengkhususkan kepada warisan tradisional iaitu dikir barat, dengan melihat tentang kohesi yang terdapat dalam lirik lagu dikir barat yang berbentuk pengulangan, sinonim dan antonim.

Kajian ini dilakukan untuk melihat secara khusus mengenai analisis wacana kohesi yang terdapat dalam lirik lagu dikir barat yang mengandungi aspek-aspek kohesi iaitu pengulangan, sinonim dan antonim. Kajian ini penting disebabkan beberapa faktor yang menjadi daya penarik untuk dikaji. Pertama, lirik lagu dikir barat merupakan nyanyian tradisional masyarakat Kelantan dan menjadi budaya yang terpenting di Malaysia.

Di samping itu, kajian lepas mengenai kohesi leksikal juga tertumpu kepada lirik lagu moden dan hanya memberikan tumpuan kepada aspek gramatikal. Faktor yang kedua pula ialah ramai penulis-penulis lirik lagu dikir barat kebanyakannya menghasilkan lagu dikir barat adalah untuk menyindir dan memberikan nasihat kepada golongan dewasa dan remaja. Walau bagaimanapun, penulis lirik lagu dikir barat tersebut kurang mendapat perhatian daripada golongan akademik, cendekiawan, budayawan terutama dari segi perspektif kajian ilmiah atau penyelidikan. Pengkaji mendapati kurang kajian yang dilakukan khususnya yang membicarakan tentang analisis wacana kohesi dalam lirik lagu dikir barat. Lagu dikir barat bagaikan hanya untuk didengar sebagai penghibur hati tetapi bukan untuk dikaji.

Setelah mengambil kira semua kenyataan di atas, kekurangan kajian yang dijalankan berkaitan dengan analisis kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Kajian yang dilakukan ini berdasarkan kepada elemen kohesi leksikal yang bersesuaian dengan lirik lagu dikir barat yang telah dikemukakan oleh Halliday & Hassan (1976).

### **1.3 Objektif Kajian**

Keberhasilan sesebuah pengkajian sudah semestinya berpaksikan kepada matlamat yang ingin dicapai oleh pengkajinya. Oleh sebab itu, berdasarkan kepada pengkajian ini, objektif pengkajian untuk meneruskan kajian tentang analisis kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat Halim Yazid adalah seperti yang berikut:

- a) Mengkelaskan aspek kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat Halim Yazid mengikut teori pengkelasan Halliday & Hassan (1976).
- b) Membincangkan fungsi aspek kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat.

### **1.4 Persoalan Kajian**

- a) Apakah kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat Halim Yazid menurut teori pengkelasan Halliday & Hassan (1976).
- b) Apakah fungsi kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting untuk membantu para pengkaji, pengkritik dan peminat karya dikir barat yang ingin mengetahui tentang aspek kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat yang dihasilkan oleh Halim Yazid. Melalui kajian ini diharapkan dapat mempelbagaikan corak kajian terhadap karya Melayu dalam menyingkap tentang kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat. Bagi para pengkaji juga, diharapkan kajian ini dapat membantu para pengkaji memahami tentang pertautan dalam wacana yang berbentuk lagu, puisi, pantun, cerpen dan sebagainya.

Kajian ini memudahkan untuk para guru memilih bahan sastera untuk pengajaran mata pelajaran muzik. Hal ini demikian, kerana para guru muzik

dapat menjadikan hasil kajian ini sebagai landasan untuk menggunakan lirik lagu dikir barat dalam pengajaran khususnya bagi yang menyentuh dari aspek kohesi.

Seterusnya, kajian ini juga dapat memberikan manfaat bagi penghasilan model analisis wacana kritis media yang peka terhadap penggunaan bahasa serta peka terhadap proses sosial yang wujud. Dari sisi lain pula, dengan adanya kajian ini diharap dapat dijadikan pedoman atau panduan bagi para pengkaji teks media yang lain agar lebih bertanggungjawab dalam usaha mentafsirkan teks, dan tidak hanya berdasarkan interpretasi peribadi semata-mata.

Selain itu, kajian ini juga berkepentingan kepada pemilih media dan khalayak umum khususnya kepada pendengar. Pertama, bagi pemilik media, kajian ini diharap dapat memberikan kesedaran kepada mereka untuk lebih berhati-hati dalam memanfaatkan lirik lagu dalam setiap penerbitan mereka. Hal ini demikian, kerana penggunaan bahasa dalam media khasnya dalam lirik lagu secara tidak langsung mempengaruhi minda pendengar.

Sehubungan dengan hal itu, jika bahasa yang tidak baik diperdengarkan kepada pendengar, dikhuatiri kelak akan menumbuhkan sentimen negatif dalam benak pendengar. Dengan kata lain, kajian ini diharap dapat mengubah institusi media sebagai penghasil teks khususnya lirik lagu untuk mempunyai tanggungjawab sosial dalam mengharmonikan pemikiran pendengar.

Kajian yang dilakukan juga mempunyai kepentingan kepada organisasi seperti universiti. Hal ini kerana, kajian ini dapat memberikan manfaat kepada tenaga pengajar seperti pensyarah yang terlibat dalam pengajaran karya Melayu tradisional. Selain itu, dengan penghasilan kajian ini dapat menambahkan bahan-bahan rujukan dalam bidang linguistik untuk karya Melayu tradisional. Secara tidak langsung dapat membantu pelajar khasnya untuk membuat rujukan bagi kajian yang berkaitan.

Diharapkan melalui kajian ini dapat dijadikan panduan untuk diri pengkaji sendiri dan pengkaji lain yang berminat untuk mengkaji dikir barat khususnya dari sudut kohesi leksikal atau dari aspek yang lain pula. Secara tidak langsung, kajian ini dapat menambahkan jumlah pencinta bahasa tanah air.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini berteraskan kepada beberapa album lirik lagu dikir barat yang telah dihasilkan sendiri oleh pengkarya iaitu Halim Yazid untuk semua lapisan masyarakat tidak mengira usia khususnya kepada masyarakat Kelantan. Lagu dikir barat popular yang menjadi siulan anak muda, bukan sahaja orang

Kelantan tetapi didengar oleh pendengar daripada masyarakat luar daripada Kelantan. Sepanjang berkecimpung dalam seni dikir barat, Halim Yazid berjaya menghasilkan enam album iaitu album Angin pada tahun 1998, album Inovasi pada tahun 2001, album Infiniti pada tahun 2003, album Sarana dan Personaliti pada tahun 2004, dan album Destiny pada tahun 2008. Dalam kesemua album yang telah dihasilkan, album inovasi berjaya mendapat permintaan di hati masyarakat sehingga kini dan telah terjual sebanyak 800 ribu unit.

Oleh itu, dalam menghasilkan kajian kohesi dalam lirik lagu dikir barat ini, pengkaji telah memilih 20 lirik lagu dalam semua album yang telah dihasilkan oleh Halim Yazid. Pemilihan album lirik lagu Halim Yazid ini sebagai bahan kajian adalah kerana album ini mengandungi lirik lagu yang berkaitan dengan aspek kohesi seperti pengulangan, sinonim dan antonim untuk di samping mempunyai input yang bertunjangkan kepada aspek kohesi leksikal. Album ini juga dilihat sangat berpotensi untuk mengangkat kembali lirik lagu yang semakin ditinggalkan dalam bentuk yang lebih menarik iaitu dalam bentuk lirik lagu yang ringkas, mudah, dan bermakna. Sejalan dengan hal itu, maka kajian ini telah membataskan sebanyak 20 lirik lagu yang akan dianalisis dengan merujuk kepada jadual 2 di bawah:

**Jadual 1.2: Tajuk-tajuk lirik lagu dalam album-album Halim Yazid**

BIL	TAJUK LAGU
1	Bonda
2	Qayyum
3	Mat jenin
4	Daulat Tuanku
5	Tepung Kita
6	Apa Khabar Orang Kampung
7	Sungai Kelang
8	Sangkakala
9	Tupai
10	Cermin
11	Isteri

**Jadual 1.2: Sambungan**

12	Angin
13	Saing Saya
14	Kecek Dengan Anak
15	Keperitan dirimba
16	Yanti
17	Diri Ambo
18	2001 Tahun Cabaran
19	Ani
20	Saya Bukan Cikgu

## **1.7 Definisi Konsep**

Dalam menganalisis aspek kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat secara lebih mendalam dan terperinci serta untuk merungkaikan maksud sebenar kajian, pengkaji telah memberi definisi kepada setiap istilah yang digunakan berdasarkan tajuk kajian pengkaji. Istilah dan konsep yang didefinisikan merujuk kepada penggunaannya dalam kajian ini. Perkataan yang akan diberi definisi secara operasional adalah seperti berikut:

### **1.7.1 Kohesi**

Terdapat beberapa konsep kohesi telah diusulkan oleh pelbagai ahli bahasa terhadap penelitiannya. Menurut Robert (1978: 23), menyatakan bahawa aspek kohesi ialah salah satu perwatakan secara berkait dengan bahagian-bahagiannya yang mengandungi kumpulan wacana dan bahasa. Selain itu, konsep kohesi juga telah diperkenalkan oleh Halliday & Hassan (1976) dalam buku yang bertajuk "*Cohesion in English*".

Menurut Halliday & Hassan (1980: 3), pertalian bermaksud perkataan melalui sistem dan dalam proses menghasilkan perkataan yang terdapat dalam kohesi. Dalam hubungan sistem, kohesi adalah "*set of possibilities that exist in the language for making the text hang together the potential that the speaker or*

*writer has at this desposal*". Halliday & Hassan (1976: 6) dapat menyatukan pertalian kohesi rujukan, substitusi, elipsis, kata hubung dan kohesi leksikal kepada tiga kumpulan yang besar iaitu kohesi nahuan, kohesi leksikal dan kata hubung. Oleh itu, analisis kohesi adalah bahan yang menumpukan kepada kohesi nahuan, kohesi leksikal dan kohesi kata hubung dalam lirik lagu dikir barat yang dianalisis. Manakala, menurut Widdowson (1978: 28) telah mendefinisikan kohesi yang merupakan hubungan maksud antara frasa dan ayat di antara satu sama lain dalam teks. Hubungan tersebut direalisasikan dalam bentuk ikatan dengan lambang bahasa formal.

Menurut Nik Safiah *et. al.* (2008: 524), menyatakan bahawa kohesi ialah jenis wacana yang membawa kesinambungan pertalian antara satu aspek bahasa dengan aspek bahasa yang berlainan terhadap sesebuah wacana bagi memperolehi wacana yang padu. Kesinambungan hubungan ini biasanya boleh dilihat melalui hubungan antara satu perkataan, frasa atau ayat, dengan perkataan, frasa atau ayat lain dalam wacana yang sama. Dalam kajian ini, kohesi merujuk kepada aspek leksikal yang mengandungi tiga aspek iaitu pengulangan, sinonim dan antonim.

### **1.7.2 Kohesi Leksikal**

Menurut Sumarlam (2008: 35), kohesi leksikal merupakan perkaitan di antara aspek dalam wacana secara semantik. Dalam hal ini, untuk menjadikan wacana yang serasi pengkaji atau penulis lirik lagu perlu menghayatinya dan memahami dengan lebih terperinci cara-cara untuk memilih perkataan-perkataan yang sesuai dengan isi kewacanaan berserta dengan definisinya. Hubungan kohesif yang dibina atas dasar aspek leksikal dengan pilihan kata yang serasi yang mengaitkan hubungan makna atau hubungan semantik antara kumpulan lingual yang satu dengan kumpulan lingual yang lain dalam wacana. Halliday & Hassan (1976: 274) menyatakan bahawa "*This (lexical cohesion) is the cohesive effect achieved by the selection of vocabulary*".

### **1.7.3 Pengulangan**

Menurut Gory Keraf (1996: 127) repetisi (pengulangan kata) ialah kata yang sering kali diulang dalam lirik lagu yang terhasil daripada "kata isi" (*content word*). Hal ini ialah kerana perkataan-perkataan tersebut adalah perkataan yang amat penting bagi sesuatu ayat yang dibentuk dan dibina bagi teks ataupun wacana. Aspek pengulangan digunakan untuk menimbulkan kesan yang mendalam kepada masyarakat. Dengan itu, dapat difahami bahawa pengulangan kata yang digunakan hampir dalam keseluruhan lirik lagu dikir barat yang dikaji. Pengulangan kata ini dilakukan sama ada, antara baris, dalam baris dan dalam rangkap. Dalam kajian ini, pengulangan merujuk kepada, ulangan kata, frasa dan ayat dalam lirik lagu dikir barat.



#### **1.7.4 Sinonim**

Sinonim dapat didefinisikan sebagai dua perkataan atau lebih yang mengandung maksud serupa, tetapi berlainan sifatnya, dikenali sebagai sinonim. Maksud sinonim secara etimologi atau bahasanya ialah 'onoma' dan 'syn' yang berasal dari bahasa Yunani Kuno. Maksud 'onoma' ialah nama manakala maksud 'syn' ialah nama lain untuk benda atau perkara yang sama. Dalam semantik pula, menurut Verhar (1978), telah menyatakan bahawa sinonim merupakan perkataan-perkataan yang mengandung maksud lebih kurang sama dengan ungkapan perkataan-perkataan yang lain. Menurutnya lagi, sekiranya suku kata itu bersinonim dengan kata lain, maka kata lain itu juga akan bersinonim dengan kata tersebut.

#### **1.7.5 Antonim**

Menurut Siti Hajar (2009) menyatakan bahawa antonim merupakan perlawanan atau kata-kata yang mengandung maksud yang berbeza atau pun tidak sama. Bukan itu sahaja, malah menurut Abdullah Hassan Aion Mohd (1994, dlm. BML3083) mentakrifkan bahawa maksud antonim ialah perkataan yang berlawanan maksudnya dengan perkataan-perkataan yang lain seperti contohnya perkataan besar yang berlawanan dengan perkataan kecil. Manakala menurut Abdualah (2005, dlm. BML3038) pula, antonim diertikan sebagai perkataan berlawanan.

#### **1.7.6 Lirik Lagu**

Menurut Hadijah Rahmat (2006), maksud lirik lagu atau juga dikenali dengan syair merupakan sebuah puisi tradisional. Selain itu, beliau menyatakan bahawa takrif mengenai teks-teks pula tidak hanya terbatas kepada ciri-ciri pengkaryaan Melayu tradisional tetapi dapat juga dijadikan sebagai kata-kata yang mengandung peribahasa, nasihat, syair-syair lagu pop dan zikir. Lagu yang terhasil dari pertalian di antara seni dengan puisi tradisional atau lirik merupakan salah satu bentuk percakapan (Nor'aini Tahir, Roszikin Zakaria, dan Zainab Zakaria, 2007). Pada abad ini, lirik lagu dijadikan sebagai bahan penyaluran maklumat kepada masyarakat melalui radio, televisyen, internet dan sebagainya. Menurut Mohd Kassim Ismail (2004), nasihat dan pesanan dapat disalurkan dalam pelbagai bentuk lisan ataupun melalui lagu yang dijadikan untuk menghasilkan suatu keadaan bagi menggambarkan sesuatu bayangan kepada pendengarnya sehingga dapat menghasilkan maksud-maksud yang berbeza.

Menurut beliau lagi, fungsi lagu dalam media komunikasi dijadikan alat untuk menyeru masyarakat supaya mengenal pasti tentang perkara yang betul-betul berlaku ataupun kisah-kisah dongeng dengan khayalan. Bukan itu sahaja,

malah lagu juga dapat dijadikan pelbagai tujuan contohnya, boleh menaikkan semangat rasa cinta sesama makhluk, sebagai pembakar semangat dan juga dapat digunakan untuk memberikan pesanan atau nasihat.

Menurut Baker (1988: 190), kohesi ditakrifkan sebagai kesepaduan leksikal, gramatikal dan hubungan lainnya yang menyalurkan aspek-aspek yang terdapat dalam teks. Hubungan seperti ini antara lain berkemungkinan menjadikan pembaca memahami kata-kata dan ungkapan dengan menjurus kepada kata-kata dan ungkapan yang lain yang ada dalam frasa dan perenggan yang berkaitan. Oleh hal demikian, kohesi adalah perhubungan yang berbentuk lahiriah kerana berkaitan dengan perkataan-perkataan dan percakapan yang dapat dilihat serta didengari.

### 1.7.7 Dikir Barat

Menurut Noraiani Ariffin (1981:1), menyatakan bahawa seni dikir barat ialah merupakan salah satu persembahan teater tradisional yang paling diminati oleh masyarakat Kelantan dan selatan siam. Perkataan “dikir” ialah terhasil daripada dua kolaborasi seni iaitu ‘dikir’ dan ‘pantun’ atau ‘dikir’ dan ‘karut’. Perkataan karut dapat ditakrifkan sebagai istilah mengarut yang terdapat dalam bentuk syair atau pantun. Manakala, ‘dikir barat’, ‘dikir karut’, ‘dikir pantun’ dan ‘dikir syair’ adalah satu benda yang serupa. Namun begitu, di Kelantan dikir telah dikenali sebagai panggilan ‘dikir barat’. Bukan itu saja, malah dikir juga diperkenalkan dengan beberapa nama lain seperti dikir rebana, dikir Pahang, dikir maulud dan sebagainya. Dikir-dikir ini dilagukan dengan iringan pukulan rebana atau kompang.

Keadaan ini merupakan kebudayaan yang boleh diterima dan dipopularkan pada masa kini. Dikir barat merupakan nyanyian secara beramai-ramai dalam sesebuah kumpulan yang berbentuk pantun. Seorang ketua dari kumpulan dikir barat akan dikenali sebagai tukang dikir atau tukang karut seharusnya terlebih dahulu memulakan nyanyian dan akan diulang oleh awok-awok secara beramai-ramai. Dikir barat dijadikan satu seni tradisional yang sangat diminati khususnya masyarakat Melayu di Kelantan. Dikir barat telah hadir dalam golongan rakyat yang berada di luar bandar ataupun di pendalaman.

Budaya dikir barat ini berkemungkinan telah diasaskan oleh Mat leh Tape di Kampung Tape. Selain itu, terdapat teori yang menyatakan bahawa dikir barat telah dibawa masuk dari negara Thailand iaitu Pattani. Di selatan siam dikir barat terkenal dengan dikir karut tetapi disebabkan perkataan karut membawa maksud yang tidak sah, masyarakat Kelantan menukarnya dengan nama dikir barat iaitu merujuk kepada tempat asal dikir itu. Perkataan berdikir barat berasal dari dua kolaborasi perkataan iaitu dikir dan barat. Berdikir membawa maksud nyanyian secara berkumpulan dengan laungan yang nyaring, mengikut irama tertentu, manakala yang didefinisikan dengan barat merujuk kepada empat



wilayah di selatan Thailand iaitu Narathiwat, Yala, Pattani dan Songkhla. Persembahan dikir barat menggunakan alat muzik tradisional daripada tetawak (sejenis gong), dua rebana (ibu dan anak), sepasang rumbia (marakas), canang dan kerci. (Bintang Popular Berita Minggu - 27 Januari 2008).

## 1.8 Organisasi Kajian

Kajian ini merangkumi lima Bab. Bab yang pertama merupakan latar belakang kepada kajian ini. Sehubungan dengan hal itu, bab ini akan menjelaskan dengan lebih mendalam berkaitan dengan perkembangan dikir barat yang terdapat di Malaysia. Seterusnya objektif yang akan dicapai dalam kajian ini turut diterangkan, diikuti dengan signifikan kajian ini yang akan menghuraikan sumbangan kajian ini melalui pemahaman dan penghayatan kepada pendengar khususnya kepada masyarakat sekeliling. Selain itu bahagian ini juga turut diikuti dengan menyenaraikan batasan kajian supaya pembaca dapat memahami batasan kajian yang telah dibataskan oleh pengkaji. Bab ini juga turut disertakan dengan definisi operasional kata kunci yang digunakan dalam kajian ini berserta dengan organisasi kajian.

Manakala bab 2, adalah sorotan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji sebelum ini yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Pengkaji juga menyertakan dengan teori yang digunakan sebagai kerangka konsep kajian ini. Pengkaji juga akan menunjukkan tentang kepentingan kajian ini dengan menggunakan data-data sekunder daripada penelitian terhadap kajian-kajian yang lepas. Kajian-kajian yang lepas ditunjukkan dalam bahagian ini akan memberikan data sekunder bagi menyokong kajian analisis wacana kohesi dalam lirik lagu dikir barat yang dilakukan ini. Selanjutnya, bahagian ini juga akan menunjukkan apakah dimensi-dimensi yang masih belum diterokai oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Di samping itu, dalam bab ini juga akan disertakan model kajian yang secara tidak langsung akan menjadi panduan kepada perjalanan kajian ini.

Dalam bab 3 pula, pengkaji akan mengulas tentang metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Setiap langkah dan prosedur yang diambil untuk kajian ini akan dihuraikan dalam bab ini. Kandungan bab 3 ini termasuklah pengenalan pengkaedahan dan cara penganalisan data. Seterusnya, dalam bab 4, pengkaji akan membincangkan tentang dapatan kajian dan akan menginterpretasikan data yang diperoleh dalam kajian ini secara kualitatif. Kesemua data yang diperoleh akan dianalisis berdasarkan kepada teori yang mendukung kajian ini. Akhir sekali, bab 5 akan menyentuh tentang rumusan keseluruhan tentang kajian yang telah dijalankan. Cadangan untuk kajian penyelidikan masa hadapan juga akan disarankan oleh pengkaji dalam bab ini.

## 1.9 Kesimpulan

Bab pengenalan ini memberikan gambaran tentang latar belakang kajian ini dan hala tuju kajian ini. Bab ini membincangkan tentang latar belakang, pernyataan masalah, objektif, dan skop kajian. Selain itu, kajian ini juga turut menjelaskan dengan ringkas bahawa kajian ini adalah berlandaskan kepada Teori Halliday & Hassan (1976). Bab seterusnya pula, membincangkan tentang kajian-kajian lain yang relevan kepada kajian ini dan seterusnya menghuraikan dengan lebih mendalam tentang Teori Halliday & Hassan (1976) yang akhirnya membentuk kepada kerangka konseptual kajian ini.

## BIBLIOGRAFI

- Arba'ie Sujud (1999). *Eстетika Dalam Lirik Lagu-lagu Nyanyian P. Ramlee*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Arbak Othman (2000). Koherensi dalam Puisi, dlm., *Dewan Sastra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Disember hlm, 71-76.
- Arbak Othman (1999). *Fonetik dan Fonologi*, Ideal. Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Asmah Omar (1991). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (1980). *Analisis Wacana (Bahagian Pertama)*, dlm. Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Mac hlm, 11-25.
- Asmah Omar (1980). *Pekembangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (1990). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Asmah Omar (1987). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (2003). *Language and Language Situation in Southeast Asia: With a Focus on Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Aijmer, K. & Stenstrom. A (Ed), (2004). *Discourse Patterns in Spoken and Written Corpora: Vol 120*, 9pp. 3-130. Philadelphia: John Benjamins Publishing.
- Abdul Chaer (2003). *Linguistik Umum*, Jakarta, PT Rineka Cipta. Akmajan et al. (1987), *Linguistic: An Introduction to Language and Communication*, Massa Chustte: MT Press.
- Abdul Hamid Mahmood (2012:24). Modul BML 3043: *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*, Tanjung Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah Hassan (1980). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (1994, dlm BML 3038). *Tatabahasa Dinamika*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

- Ajeng Merita Sari (2016). *Analisis Wacana Lirik Lagu Karya Stromae Pada Album Racine Carree*. Tesis Doktor Falsafah. Jurusan Pendidikan Bahasa Perancis. Fakultas Bahasa dan Seni: Universiti Negeri Yogyakarta.
- Alex Sobur (2006). *Analisis Teks Media: Suatu Pengantar Untuk Analisis Wacana, Analisis Semiotik dan Analisis Framing*. Bandung: PT Remaja Rosda Karya.
- Amir Husaini Sharif (2006). Apa Ada Pada Lirik. *Dewan Budaya*. Mac, 23-25.
- Ayu Harahap (2008). *Kohesi dan Koherensi dalam Wacana*: Universitas Indonesia <http://www.apfi.ppsi.com>. Diakses pada 23 Mei 2015, 2008.
- Awang Sariyan (1991). Kemahiran Penulisan dalam Konteks Pembinaan Wacana yang Utuh, dlm. *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Ogos hlm, 715-721.
- Aziz Deraman (1975). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Aziz Deraman & Ramli wan Mohamad (1994). *Muzik dan Nyanyian Tradisi Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Mohamad (1994). *Seri Pengetahuan Popular Muzik dan Nyanyian Rakyat*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Azmi Mohd Nasir (2011). *Aspek Nasihat dalam Dikir Barat, dalam Abdullah Zakaria Ghazali. (ed). Warisan Kelantan xxv*. Kota Bharu: Perbadanan, Muzium Negeri Kelantan.
- Brown, G. & Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Carolyn G. Harnett (1980). *Cohesion and Mental Processes in Writing Competence. A paper presented at the Research Workshop of the National Council of Teachers of English (70<sup>th</sup> Cincinnati, Nov. 21-26, 1980)*. Texas City: College of the Mainland.
- Connor U (1984). *A Study of Cohesion and Coherence in English as second Language Student Writing*. Paper in Linguistic (301-316).
- Cook, G. (1994). *Discourse and Literature*. London: Oxford University Press.
- Ensiklopedia Global* (2004). Shah Alam: Smart Genie Corporation Sdn. Bhd.
- Etika Putera (2007). *Pentingnya Koherensi dan Kohesi dalam sebuah Paragraf*. <http://www.apfi.ppsi.com>. Diakses pada 23 Mei 2015.

- Farid M. Onn (1982). *Stilistik Simposium Keindahan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn & Ajib Che Kob, (1993). *Simposium Dialek, Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ganesan A/L Subramaniam (2015). *Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam Novel Ilatcia Payanam*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi: Universiti Putra Malaysia.
- Hadijah Rahmat (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidah Yaacob (2010). *Hiburan Tradisional Kelantan*. Dalam Khoo Kay Lim. (ed). *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Halliday, M.A.K & Hassan (1976). *Cohesion in English*, London: Longman.
- Halliday, M.A.K & Ruqaiya Hasan (1992). *Bahasa, Konteks dan Teks: Aspek Aspek Bahasa dalam Pandangan Semiotik Sosial*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Harimurti Kridalaksana (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta: P.T: Gramada Pustaka Utama.
- Harimurti Kridalaksana (1978). *Keutuhan Wacana dalam Bahasa dan Sastra* (Nomor 1 tahun iv), Jakarta: P.T: Gramada Pustaka Utama.
- Halim Yazid (2014). *Dikir Barat Terus Hidup dalam Garret Dawun*. ([http://www.utusan.com.my//utusan/hiburan/20140701/hi\\_06/DikirBarat\\_Terus\\_Hidup](http://www.utusan.com.my//utusan/hiburan/20140701/hi_06/DikirBarat_Terus_Hidup)). Diakses pada 31 Mei 2017.
- Harun Daud (2001). *Sejarah Melayu: Satu Kajian dari Aspek Persejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah (1998). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harris, Z. S (1952). *Discourse Analysis*. Dalam J.A. Rodor, & J.J Katz (ed). *The Structure og Language: Reading in the Philosophy of Language*. Englewood Cliffs: Prentice Hall, Inc, hlm. 355-383.
- Hashim Awang (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*: Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hashim Musa (2008). *Hati Budi Melayu*. Selangor: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

- Hatch, E. (1992). *Discourse and Language Education*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Helmen, C. (1995). *The Nation of Coherence in Discourse, En Rickheit. G. & Habel. C. (Ed). Focus and Coherence in Discourse Processing*. Berlin: Walter De Gruyter.
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar (2006). *Fonetik dan Fonologi*, Batu Caves: PTS Professional.
- J.K.Chambers Peter Trudgill (1990), *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johan Jaafar (1931). Mat Leh Tapang Tokoh Dikir Barat. *Dewan Budaya*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. April 31-32.
- John Lyons (1994). *Bahasa, Makna dan Konteks*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Keraf, Gorys (1996). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Gramadia Pustaka Utama.
- Khatijah Abdul Hamid (1996). Wacana dalam Teks Penulisan: Tinjauan Tentang Pertautan Berdasarkan Analisis Kohesi dan Koheran, *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, Oktober (hlm 868-880).
- Ku Zam Ku Idris (1979). Etnomuzikologi dan Hubungannya dengan Muzik Tradisional Malaysia. *Dewan Budaya*, Mei :22-24.
- Levinson, S. (1983). *Pragmatics*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Majlis Peperiksaan Malaysia (1996). *Warna Sari Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fauzi Yunus (1990), *Dikir Barat: Satu Tinjauan Awal dalam Purba*. Kuala Lumpur: United Selangor Press.
- M. Junus Melakota (1979). Didong dan Dikir Barat Satu Perbandingan. *Dewan Budaya*. Ogos: 37-40.
- Mohd Ghazali Mat Salleh (1988). Dikir Barat Kembalikan Nilai Keindahan. *Dewan Budaya*: Januari: 48 – 49.
- Mohd Kassim Ismail (2004). *Sastera Rakyat Suatu Warisan*. Siri Kajian Sastera. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.



- Mohd Taib Osman (1980). *Perlunya Badan Menjaga Khazanah Kebudayaan Tradisi*. *Dewan Budaya*: April: 6-8.
- Mohd Taib Osman (1998). *Malay Folk Beliefs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zaini Othman (2005). *Sejarah dan Perkembangan Analisis Wacana*. dlm Pelita Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Oktober hlm, 32-33.
- Mohd Zaini Othman (2004). *Wacana, Penanda Wacana Kohesi dan Koheren*, dlm Pelita Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Oktober hlm, 26-34.
- Muhammad Al-Ghazali (1984). *Akhlaq Seorang Muslim*. Batu Caves: Thinker Library.
- Muhammad Al-Ghazali (1984). *Peribadi Muslim*. Kuala Lumpur: Bahagian Jabatan Perdana Menteri.
- Mulyana (2005). *Kajian Wacana: Teori, Metode, & Aplikasi Prinsip-Prinsip Analisis Wacana*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Norasmat Mustapha (1998). *Unsur Estetika dalam Lagu Dikir Barat Di Kelantan*. Tesis Bachelor: Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Norasmat Mustapha (1990). *Seni Lagu dan Permainan Tradisi*. Melaka: Associated Educationa Distributor Sdn. Bhd.
- Philips, L. & Jorgensen, M. W (2002). *Discourse Analysis as Theory and Method*. London: Sage.
- Nik Safiah Nik Karim (1983). *Dialek Kelantan: Satu Lambang Sosio Budaya Wilayahnya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & A. Hamid Mahmood (2006), *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Noraini Ariffin (1981). *Siri Mengenal Budaya, Dikir Barat*. Kuala Lumpur: Bahagian Kebudayaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- Nunan, D. (1992). *Introducing Discourse Analysis*. London: Penguin English.
- Omar Farouk Bajunid (1980). *Dikir Barat dalam Pengantar Kesenian Kelantan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Radiah Yusoff & Nor Aini Ismail (2002). *Kohesi dalam Wacana Bertulis*", dlm.

- Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Februari  
 hlm, 26-31.
- Ramli Isin (1997). *Nahu Melayu Terakhir*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti  
 Sdn. Bhd.
- Ramli Sarip (2006). Citra Bangsa dalam Lirik. *Dewan Budaya*, Kuala Lumpur:  
 Dewan Bahasa dan Pustaka. Halaman: Mei 26-28.
- Renkema, J. (1993). *Discourse Studies: An Introductory Textbook*.  
 Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Roberts, P. (1978). *English Syntax (Alternative Edition)*. New York: Harcourt,  
 Brace and World.
- Rohaizah Ab Karim (2014). *Analisis Wacana Ucapan Perdana Menteri Malaysia  
 Keenam Sempena 100 Hari Menakhoda Negara*. Tesis Sarjana.  
 Akademi Pengajian Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roslina Abu Bakar (2011). *Cerita Rakyat Melayu: Analisis dari Aspek  
 Komunikasi Dua Hala*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Schiffirin, Deborah (1994). *Approaches to Discourse*. Oxford UK & Cambridge  
 USA: Blackwell Publishers.
- Shahnom Ahmad (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala  
 Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan (2008). *Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan  
 Pustaka.
- Stubbs, M. (1989). *Discourse Analysis*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sudaryat, Yayat dkk. (2009). *Toponimi Jawa Barat (Berdasarkan Cerita Rakyat)*.  
 Bandung: Dinas pariwisata dan Kebudayaan Propinsi Jawa Barat.
- Sulaiman Masri (1989). *Inilah Bahasa Baku*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sumarlam (2003). *Analisis Wacana: Teori dan Praktik*. Surakarta: Pustaka Cakra.
- Siti Hajar Abdul Aziz (2009). *Siri Pendidikan Guru, Bahasa Melayu II*. Shah Alam:  
 Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Nurhajariah Md Isa & Hairun Najuwah Jamali (2014). *Kohesi penghubung  
 dalam Karangan Mata Pelajaran Arab*. Tesis Sarjana. Selangor: Kolej  
 Universiti Islam Antarabangsa.
- Syed M. Naquib Al-Attas (2001). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*.  
 Kuala Lumpur: ISTAC.



- Tarigan, Henry Guntur (1987). *Pengajaran Wacana*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Tarigan, Henry Guntur (2009). *Pengkajian Wacana*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Tanskanen, S. K. (2004). *Collaborating Towards Coherence: Lexical Cohesion In English Discourse*. Amsterdam, Netherland: John Benjamains.
- Trudgill, P (1991). *Sosiolinguistik satu Pengenalan* (Nik Safiah Karim, terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Verhaar, J.W.W (1978). *Pengantar Linguistik*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Wan Abdul Kadir (1981). Bentuk yang Bebas, Sifat yang Populer Pada Dikir Barat. *Dewan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Ogos: 6-8.
- Widdowson, H. G. (Ed). (1978). *Discouse Analysis*. London: Oxford University Press.
- Wong Khok Seng (1992). Sejarah Perkembangan Analisis Wacana, *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Mei hlm: 438-446
- Zamri Salleh (2009). *Sarana Kohesi dalam Pengajaran Karangan, Pelita Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Zakaria Abdullah & Ahmad b. Buyung (1990). *Kebudayaan Rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pan Publishing